

Pilihan antara Sultan Johor atau Perak

➔ Faktor kekananan, pematuhan sistem penggiliran tidak lagi diguna bagi pemilihan

BH - 8/1/19 (m/s 3)

Oleh Rohaniza Idris, Nadia Hamid, Muhammad Azzahar Issahak dan Zahratulhayat Mat Arif
bhmediaprima.com.my

✦ Kuala Lumpur

Mesyuarat Majlis Raja-Raja 24 Januari ini bakal memilih Yang di-Pertuan Agong berdasarkan dua ciri utama dalam kriteria pemilihan jawatan berkenaan iaitu faktor kekananan dan pematuhan sistem penggiliran.

Kebiasaannya, Raja yang paling kanan dari segi pemerintahan di-

pilih, tetapi peraturan itu tidak lagi diguna pakai selepas semua Raja dari negeri-negeri dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong.

Pusingan ini berakhir selepas Sultan Perak dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Kesembilan. Selepas itu senarai baharu yang dikenali sebagai senarai yang disusun semula dan diguna pakai sekarang adalah berpandukan kepada kekananan negeri yang rajanya telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong (Yang di-Pertuan Agong Pertama hingga Kesembilan) mengikut Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.

Beberapa pakar Perlembagaan bersetuju Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah memenuhi dua kriteria, iaitu paling kanan dan pematuhan giliran kepada Pahang.

Pakar Perlembagaan dan Penasihat Gabungan Melayu Islam Beraja (MIPRAJ), Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain, berkata Raja paling kanan dari segi pemerintahan sememangnya Sultan Ahmad Shah, yang seharusnya dipilih dan dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16.

"Baginda (Sultan Ahmad Shah) kurang sihat, tetapi perlu ditawarkan (jawatan Yang di-Pertuan

Agong) kerana giliran Pahang untuk ditawarkan terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi.

Ketepi giliran tradisi

Seorang lagi pakar Perlembagaan, Dr Abdul Aziz Bari, berkata ada pandangan berpendapat Majlis Raja-Raja berkemungkinan menyetujui giliran tradisi itu dengan membuat pemilihan membabitkan sama ada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar atau Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah susulan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, kini takhtanya dipangku oleh anak baginda, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah

Sementara itu, Pakar Perlembagaan dan profesor undang-undang Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Datuk Dr Abdul Halim Sidek, berkata berdasarkan sistem penggiliran, Sultan Pahang berada dalam senarai, namun baginda kini kurang sihat.

"Perlu diingat pada 2019, kebanyakan Raja-Raja dalam Majlis Raja-Raja adalah generasi kedua dan ketiga selepas pelantikan Yang di-Pertuan Agong ini dilaksanakan.

Justeru, baginda yang ada sudah

tentu mempunyai pemikiran dan pandangan berbeza dengan generasi terdahulu, terutama latar belakang pendidikan dan pengalaman yang mereka ada," katanya.

"Saya percaya Raja-Raja Melayu ini mempunyai pandangan dan pertimbangan masing-masing tanpa terikat dengan amalan diguna pakai dalam pemilihan Yang di-Pertuan Agong terdahulu. Baginda semua tahu bagaimana mencorakkan lantikan itu tanpa sesiapa pun mempengaruhi pilihan mereka.

"Kemungkinan sistem penggiliran itu tidak digunakan juga besar berdasarkan situasi semasa dalam negara dan kedudukan serta kesihatan Raja-Raja Melayu yang ada," katanya.

Pandangan sama dipersetujui seorang lagi pakar perlembagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datin Dr Faridah Jalil yang berpendapat Raja-Raja Melayu bukan hanya menimbangkan soal kekananan dan penggiliran saja bagi memilih Yang di-Pertuan Agong yang baharu.

"Faktor kewibawaan, pemikiran, keadaan dan suasana negara serta cabaran negara turut di ambil kira selain faktor dan ciri yang ada

dalam calon yang bakal di pilih.

"Mengikut senarai penggiliran, sudah tentu Sultan Pahang (tetapi kurang sihat). Namun, jika dilihat kepada peluang Sultan Johor iaitu giliran selepas Sultan Pahang, kemungkinan besar ada kerana baginda menepati semua kriteria dalam pemilihan itu.

"Sultan Perak juga menepati semua syarat dan pengalamannya menghadapi krisis pelantikan Menteri Besar Perak pada 2009, selain kewibawaan yang terserlah, termasuk di luar negara dengan pengetahuan luas dalam pentadbiran dan kenegaraan, isu antarabangsa dan kewangan Islam," katanya.

Pakar Sejarah, Datuk Dr Ramlah Adam pula berpandangan Sultan Pahang boleh menerima tawaran Yang di-Pertuan Agong bagi mematuhi syarat penggiliran, namun tugas baginda boleh dilaksanakan Timbalan Yang di-Pertuan Agong kerana baginda kurang sihat.

Katanya, jika perkara itu dapat dilaksanakan, sistem penggiliran yang di amalkan dalam pelantikan Yang di-Pertuan Agong itu tidak diketepikan dan dalam hal ini Sultan Pahang pun sememangnya paling kanan dari segi kekananan.